

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

Dr. M lawat Divisyen Infantri



■ DATUK Sri Dr. Mahathir Mohamad sedang menerima tongkat daripada Jeneral Datuk Hashim Mohd Ali.

PERDANA Menteri, Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad dan isterinya, Datin Sri Dr. Siti Hasmah Mohd Ali telah melakukan lawatan resmi sehari ke Markas Divisyen Kedua Infantri Malaysia Jalan Northam Pulau Pinang dan juga pengkalan tentera di Lebuh Raya Timur Barat baru-baru ini.

Di dalam lawatan tersebut beliau telah diiringi oleh Timbalan Ketua Setiausaha Tiga Kementerian Pertahanan, Datuk Baharuddin Musa, Brigadir Jeneral Yusof Din, Setiausaha Politikanya, Encik Megat Junid dan beberapa orang pegawai lain.

Ketibaan rombongan Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad dan isterinya di Lapangan Terbang Bayan Lepas disambut oleh Ketua Menteri Pulau Pinang, Datuk Lim Chong Eu, Setiausaha Kerajaan Negeri, Encik Zainol Mahamood,

Janglima Markas Divisyen Kedua Infantri, Mejar Jeneral Datuk Hashim Mohd Ali dan lain-lain pegawai kanan tentera dan awam.

Di Markas Divisyen Kedua Infantri, Perdana Menteri yang juga Menteri Pertahanan menerima tabik hormat dan seterusnya memeriksa satu perbarisan kawalan kehormatan dari Batalion Kesembilan Rajimen Askar Melayu Diraja dibawa pimpinan Kapten Mohd Yusof Daud.

Taklimat

Inilah lawatan rasmi yang pertama Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad sebagai Perdana Menteri merangkap Menteri Pertahanan ke markas tersebut sejak ia berpindah dari Sungai Besi ke Pulau Pinang.

Beliau dan isterinya juga diperkenalkan kepada pegawai-pegawai kanan tentera markas tersebut sebelum diberikan taklimat secara tertutup mengenai keselamatan. Kejayaan operasi membasmu penganan komunis terutamanya di sepanjang sempadan

Malaysia/Thai dan lain-lain lagi aspek pentadbiran dan sosio-ekonomi.

Mejar Jeneral Datuk Hashim Mohd Ali yang juga Panglima Gerakan Semanjung Malaysia telah menyampaikan cenderamata berpuaka kepada Datuk Sri Dr. Mahathir dan sebuah cenderamata yang lain kepada Datin Sri Dr. Siti Hasmah Mohd Ali.

Di Dewan besar markas tersebut rombongan itu telah menyaksikan pameran sebahagian daripada alat-alat penganan komunis seperti senjata, pakalan, jerangkap samar dan gambar-gambar kem komunis yang telah dilawan oleh tentera dalam gerakan menghapuskannya.

Congakata BERSIH CEKAP dan AMANAH yang menjadi prinsip pentadbiran 2M yang tergantung di Koridor markas tersebut telah menjadi perhatian wartawan dan jurugambar-jurugambar akhbar sebahagiannya. Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad melalui jurugambar-jurugambar tidak melepaskan peluang untuk merakamkan detik sejarah

ini.

Bagi panglimanya, Mejar Jeneral Datuk Hashim Mohd Ali berkehendakan MOTO tersebut biar sebatik dijaja setiap tentera kerana mereka adalah di antara pejuang yang terpenting untuk negara. Dan hendaklah dimulakan di peringkat Divisyen membawa lah ke setiap anggota tentera yang bertugas di barisan hadapan.

Datuk Sri Dr. Mahathir dan Datin Sri Dr. Siti Hasmah juga serta rombongan telah menaiki pesawat TUDM jenis NURI untuk melawat projek-projek dan menemui tentera di Lebuh Raya Timur Barat.

Di Pengkalan tentera Banding, beliau diberi taklimat keselamatan oleh Pegawai Memerintah pangkalan tersebut, Letifenen Kolonel Benyamin Ismail Babu, Ketua Jurutera Jabatan Kerjaya, Encik Oh Yew Meng dan Ketua Polis Griik, Penguasa Polis Mohamed bin Hashim.

Bercakap kepada para wartawan, Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad berkehendakan supaya Banding dimajukan dan

diusahakan sebagai salah satu tempat perancangan, setelah melihat sendiri keadaan pemandangan semula jadi yang cantik berserta keindahan udara di situ.

Kadaan cuaca yang sentiasa dingin dan pemandangan yang indah tentu dapat menawan hati kepada mereka yang telah melawat dan menggunakan jalan raya timur barat ini dan candangan ini sudah tentu mendapat sambutan dari orang ramai.

Istimewa

Timbalan Ketua Setiausaha Tiga Kementerian Pertahanan, Datuk Baharuddin Musa yang turut serta di dalam rombongan tersebut mungkin dengan sukarela dapat membantu melaksanakan projek pusat rekreasi ini kerana beliau adalah bekas Pengarah Pelancongan Malaysia yang mempunyai banyak pengalaman.

Perdana Menteri dan rombongan telah menghadiri makan tengah hari bersama-sama anggota tentera di Banding dan hidangan yang paling

istimewa ialah Ikan Seborau masak panggang iaitu salah satu jenis ikan air tawar yang banyak didapati dan besar-besarnya di Tasik Bending. Kebanyakan berat melebihi sepuluh kati tiap seekor.

Di dalam ucapannya kepada perajurit, Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad mengucapkan terima kasih ke atas perajurit-perajurit yang bertugas di Lebuh Raya Timur Barat yang tidak mengenalerti penat demi kepentingan negara.

Di Pengkalan Tentera Batu 36 Perak, rombongan tersebut telah menyaksikan kecekapan anggota tentera menggunakan meriam dari pasukan Artileri di situ sebelum menaiki kenderaan melalui Lebuh Raya Timur Barat hingga ke Batu 26 di Kelantan sebelum meneruskan lawatan ke Kota Bharu untuk merasmikan konvensen UMMO.

Menteri Besar Perak, Datuk Sri Wan Mohamed dan isterinya serta Panglima Briged Ke-10 Infantri Brig Jeneral Zainal Haji Jawati turut hadir di sepanjang lawatan di Lebuh Raya Timur Barat tersebut.